

04 SEP 2002

DR MAHATHIR TONTON TEATER MERDEKA

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyaksikan persembahan teater bertajuk 'Merdeka Merdeka Merdeka!' di Istana Budaya di sini.

Ketibaaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Teater arahan pengarah Datuk Jins Shamsudin yang dipentaskan sempena sambutan Kemerdekaan ke-45 menceritakan pelbagai detik bersejarah perjuangan rakyat Tanah Melayu dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan negara.

Antara peristiwa bersejarah yang digarap menerusi teater itu ialah penolakan rakyat terhadap penubuhan Malayan Union serta pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, pembentukan Parti Perikatan yang terdiri daripada Umno, MCA dan MIC dan perisytiharan kemerdekaan negara oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka tepat pukul 12 tengah malam 30 Ogos 1957.

Teater itu dibintangi kira-kira 100 orang termasuk Jalalluddin Hassan sebagai Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan penyanyi Man Bai yang memegang watak Datuk Onn Jaafar.

Persembahan teater itu bermula 18 Ogos dan akan berakhir pada 6 Sept ini.

-- BERNAMA
SNS RV MOZ